



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



E-BUKU PANDUAN MAJLIS
KONVOKESYEN
POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU
KALI PERTAMA

1. PENYERTAAN KONVOKESYEN PMJB KALI PERTAMA

1.1 Penyertaan graduan ke Majlis Konvokesyen dan tuntutan Diploma hanya sah setelah menyempurnakan perkara-perkara berikut:-

- i. Menjelaskan bayaran penyertaan Majlis Konvokesyen.Rujuk perkara 2.
- ii. Memberi maklumbalas "BORANG PENGESAHAN PEMBAYARAN & KEHADIRAN" sebelum 24 FEBRUARI 2015 (SELASA).
- iii. Mengisi dan mencetak soal selidik kajian pengesahan graduan di alamat <http://graduat.moe.gov.my>. Bagi yang hadir, anda dikehendaki mencetak muka surat terakhir laman web tersebut dan bawa bersama untuk urusan pendaftaran. Sekiranya tidak hadir, anda dikehendaki "scan" dan "email" kepada Jawatankuasa Pengesahan Graduan. Laman web tersebut boleh diakses pada 2 Mac 2015.

Nota :

Perkara di atas adalah wajib bagi semua graduan yang hadir atau tidak hadir ke Majlis Konvokesyen. Kegagalan anda berbuat demikian boleh mengakibatkan anda dihalang menghadiri majlis konvokesyen atau pengeluaran transkrip akan ditahan.

Sebarang pertanyaan mengenai soal selidik kajian pengesahan graduan, sila hubungi Puan Elyn binti Mohd Ridzwan / Puan Nor Hasradiana binti Aman di talian 07-335 8851.

1.2 Graduan yang hadir MESTI mengikuti sesi berikut :-

- 1.2.1 Pendaftaran Graduan.
- 1.2.2 Raptai Konvokesyen.
- 1.2.3 Majlis Konvokesyen

2. BAYARAN KONVOKESYEN PMJB KALI PERTAMA

2.1 Jumlah bayaran ialah RM 250.00 (hadir), RM 170.00 (pos) dan RM 160.00 (ambil sendiri).

2.2 Pembayaran boleh dibuat melalui cawangan BANK ISLAM (Sila Gunakan Slip Pembayaran) atas nama KOPERASI POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU BERHAD nombor akaun " 01014010055410".

Nota :

Pembayaran melalui Cash Deposit Machine (CDM) atau ATM tidak dibenarkan. Sekiranya membuat pembayaran menerusi perbankan Internet , sila cetak sebagai bukti bayaran.

2.3 Slip pembayaran Bank Islam

- | | | |
|-------|-----------------|---|
| 2.3.1 | Salinan pertama | : Simpanan Bank Islam. |
| 2.3.2 | Salinan ke-2 | : Pos bersama kad BORANG PENGESAHAN PEMBAYARAN & KEHADIRAN. |
| 2.3.3 | Salinan 3 &4 | : Simpanan graduan. |

Nota : Salinan 3 & 4 bagi tujuan pendaftaran dan pengambilan jubah.

2.4 Slip pembayaran menerusi perbankan internet, sila cetak 2 salinan resit transaksi tersebut untuk urusan pendaftaran dan pengambilan jubah .

2.5 Graduan yang masih berhutang atau belum menjelaskan saman, boleh menyertai Majlis Konvokesyen tetapi Diploma akan ditahan oleh Unit Peperiksaan PMJB sehingga bayaran dijelaskan.

3. PENDAFTARAN GRADUAN

- 3.1 Pendaftaran graduan dibuat sebelum acara raptai bermula.
- 3.2 Tanpa pendaftaran, graduan tidak dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen.
- 3.3 Jadual Pendaftaran , Raptai dan Majlis Konvokesyen (Rujuk di portal rasmi PMJB).

4. RAPTAI KONVOKESYEN

- 4.1 Raptai Majlis Konvokesyen Kali Pertama adalah WAJIB dihadiri bagi memastikan kelancaran dan protokol Majlis Konvokesyen yang mesti dipatuhi oleh setiap graduan.
- 4.2 Raptai ini akan diadakan di Dewan MPC selepas selesai proses pendaftaran graduan. Rujuk aturcara majlis di Portal Rasmi PMJB.

5. MAJLIS KONVOKESYEN

- 5.1 Semua graduan dikehendaki mendaftar di Dewan MPC.
- 5.2 Graduan dikehendaki hadir diri lebih awal atau selewat-lewatnya 20 minit sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi mengelakkan dari dihalang menyertai Majlis Konvokesyen.
- 5.3 Semasa majlis berlangsung, graduan, ibu, bapa atau penjaga dikehendaki menghormati Majlis Konvokesyen dengan penuh adab dan mematuhi protokol.
- 5.4 Graduan, ibu, bapa atau penjaga dilarang meninggalkan dewan sebelum selesai Majlis Konvokesyen.
- 5.5 Tempat duduk adalah terhad, sila tunjukkan "KAD JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN". Hanya dibenarkan untuk dua orang dewasa sahaja.
- 5.6 Suhu dewan adalah sejuk, ibu , bapa atau penjaga digalakkan untuk berpakaian yang bersesuaian dengan majlis.

6. SAHSIAH DAN RUPADIRI GRADUAN

6.1 Sahsiah Dan Rupadiri Semasa Pendaftaran Dan Acara Raptai

- 6.1.1 Semua graduan mesti berpakaian kemas dan menampilkan perwatakan menarik, matang, sopan serta bersesuaian.
- 6.1.2 Graduan DILARANG TEGAS memakai seluar jenis "jeans", selipar, capal dan 'T-shirt' tanpa kolar semasa mendaftar.
- 6.1.3 Graduan lelaki hendaklah berambut pendek dan graduan wanita Islam hendaklah menutup aurat (bertudung) atau bagi yang bukan beragama Islam, rambut disisir rapi, kemas dan tidak diwarnakan.

6.2 Etika Berpakaian Semasa Majlis Konvokesyen.

A. Graduan Lelaki.

- 6.2.1 Graduan beragama Islam digalakkan berpakaian kebangsaan lengkap berwarna hitam (songkok, baju, seluar, berbutang, samping serta kasut kulit berwarna hitam) atau,
- 6.2.2 Baju kemeja lengan panjang berwarna putih, berseluar 'slack' hitam / gelap dan bertali leher. Pemakaian Blazer adalah diwajibkan.
- 6.2.3 Graduan tidak dibenarkan memakai tali bow (bowtie).
- 6.2.4 Berambut pendek , kemas dan tidak diwarnakan.

B. Graduan Wanita.

- 6.2.5 Graduan Wanita dibenarkan memakai Baju Kurung atau Kebaya Labuh warna bebas (kain berbelah adalah dilarang) Bagi graduan wanita beragama Islam hendaklah mengenakan tudung berwarna krim atau putih. Pakaian perlu bersesuaian dengan protokol majlis.
- 6.2.6 Bagi graduan bukan beragama Islam dibenarkan berpakaian sopan, tidak ketat, tidak jarang, tidak berbelah dan tidak terdedah. Baju mestilah berlengan dan sekiranya memakai skirt hendaklah labuh melepas di bawah paras lutut.

6.3 Kasut

- 6.3.1 Graduan hendaklah memakai kasut yang bersih dan bersesuaian (bahagian depan kaki bertutup), sandal , capal atau kasut jenis sukan tidak dibenarkan sama sekali.
- 6.3.2 Penggunaan kasut kulit berwarna hitam atau gelap amat digalakkan.
- 6.3.3 Graduan wanita hendaklah memakai kasut yang bersesuaian (ketinggian kurang daripada 3 inci).

7. URUSAN JUBAH

7.1 Peminjaman Jubah

- 7.1.1 Salinan slip bayaran Bank Islam perlu ditunjukkan kepada Urusetia Pengurusan Graduan semasa peminjaman dibuat.
- 7.1.2 Graduan dikehendaki mencetak dan melengkapkan borang permohonan peminjaman jubah konvokesyen. Bawa borang bersama untuk urusan peminjaman dan pemulangan jubah.
- 7.1.3 Sila rujuk jadual di bawah untuk tindakan graduan.

JABATAN	TARIKH	MASA	TEMPAT
JP	14 MAC 2014 (SABTU)	4.00 PETANG – 5.00 PETANG	DEWAN MPC, BANDAR BARU UDA

7.2 Pemulangan Jubah

- 7.2.1 Jubah hendaklah dipulangkan sebaik sahaja Majlis Konvokesyen tamat.
- 7.2.2 Kegagalan memulangkan jubah akan menyebabkan Diploma/Sijil ditahan oleh Unit Peperiksaan.
- 7.2.3 Jubah yang hilang atau rosak akan dikenakan bayaran gantirugi sebanyak RM250.00 setiap satu.
- 7.2.4 Sila rujuk jadual di bawah untuk tindakan graduan.

JABATAN	TARIKH	MASA	TEMPAT
JP	15 MAC 2014 (AHAD)	1.00 PETANG – 3.00 PETANG	DEWAN MPC, BANDAR BARU UDA

8. PENGAMBILAN DIPLOMA DAN SIJIL

- 8.1 Graduan boleh mengambil Diploma masing-masing sebaik sahaja setelah Majlis Konvokesyen berakhir dan mengesahkan pemulangan jubah.
- 8.2 Diploma yang tidak dituntut akan disimpan oleh Unit Peperiksaan PMJB. Sebarang tuntutan Diploma selepas Majlis Konvokesyen hendaklah dibuat di UNIT PEPERIKSAAN PMJB. Sila hubungi 07-3358851.

PERINGATAN: TRANSKRIP HANYA BOLEH DIAMBIL SEKIRANYA PROSES PEMULANGAN JUBAH SELESAI

9. PAS MASUK KENDERAAN

- 9.1 Hanya Satu Pas Masuk Kenderaan diberikan. Kenderaan yang mempamerkan Pas Masuk sahaja dibenarkan memasuki kawasan meletak kenderaan di kawasan DEWAN MPC atau tempat khas yang disediakan.

- 9.2 Sila pamerkan pas masuk kenderaan pada cermin hadapan kenderaan masing-masing semasa raptai dan Hari Majlis Konvokesyen.

10. TEMPAT LETAK KENDERAAN

- 10.1 Graduan, ibu bapa atau penjaga hendaklah meletakkan kenderaan di tempat letak kenderaan yang telah disediakan atau diarahkan.
- 10.2 Sila patuhi arahan pegawai keselamatan yang bertugas bagi mengelak kesesakan lalulintas.

11. PAS MASUK MAJLIS KONVOKESYEN

- 11.1 Disebabkan tempat yang terhad dan bilangan graduan yang ramai, hanya satu (1) keping pas masuk ke dewan diberikan untuk kebenaran masuk bagi dua (2) orang dewasa sahaja (ibu bapa atau penjaga). Kanak-kanak berumur bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk.
- 11.2 Ibu bapa atau penjaga diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing sebelum jam 8.30 pagi pada hari majlis konvokesyen.
- 11.3 Pas masuk dewan mesti dibawa dan ditunjukkan kepada petugas. Pihak PMJB memohon maaf sekiranya terdapat ahli keluarga graduan yang tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan kerana tempat adalah terhad.
- 11.4 Ibu, bapa atau penjaga perlu berpakaian kemas dan sopan bersesuaian dengan majlis rasmi.
- 11.5 Mohon kerjasama ibu, bapa atau penjaga agar tidak meninggalkan dewan semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung.

12. SESI BERGAMBAR (FOTOGRAFI)

- 12.1 Syarikat luar diberikan tanggungjawab mengambil gambar graduan semasa menerima Diploma dan urusan selanjutnya (penyerahan gambar) adalah tanggungjawab syarikat berkenaan.
- 12.2 Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung graduan dan tetamu dilarang mengambil gambar di dalam atau di luar dewan bagi memastikan kelancaran majlis.

13. BARANG-BARANG PERSENDIRIAN

- 13.1 Pihak PMJB tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan barang peribadi.
- 13.2 Graduan dan tetamu adalah diingatkan supaya tidak membawa masuk ke dalam dewan seperti makanan, minuman atau barang persendirian yang boleh mengganggu perjalanan Majlis Konvokesyen seperti beg, kamera, telefon bimbit, sebarang peranti atau alatan elektronik dan sebagainya.
- 13.3 Sila matikan atau tukar kepada Mod Senyap (Silent Mode) sekiranya membawa masuk alatan elektronik seperti telefon bimbit , "tablet" dan lain-lain.

14. KUASA POLITEKNIK METR0 JOHOR BAHRU

- 14.1 Graduan yang tidak mematuhi syarat dan arahan yang telah ditetapkan terutama tatacara berpakaian atau penampilan diri yang tidak bersesuaian dengan majlis adalah dilarang atau ditahan daripada mengikuti Majlis Konvokesyen.
- 14.2 Sebarang keputusan mengenai larangan yang telah dikeluarkan adalah muktamad.
- 14.3 Justeru itu pihak PMJB , mohon kerjasama semua graduan agar mematuhi segala peraturan yang dinyatakan menerusi buku panduan ini dan menerima teguran sekiranya diberi oleh mana-mana pegawai.

15. PENGINAPAN

Penginapan di sepanjang konvokesyen adalah tanggungjawab graduan. Pihak PMJB tidak menyediakan sebarang penginapan.

16. HAL-HAL LAIN

Sila hubungi jika terdapat sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan urusan berikut:-

- a. Jawatankuasa Pengurusan Graduan
Puan Erlia binti Nasir / Cik Nadiah Nadzirah bt Rashid
07-335 8851
- b. Jawatankuasa Pengesanan Graduan
Puan Elyn binti Mohd Ridzwan / Puan Nor Hasradiana binti Aman
07-335 8851

Sebarang urusan surat menyurat, sila hantarkan kepada alamat berikut :

Pengarah,
POLITEKNIK METR0 JOHOR BAHRU,
No. 64, Jalan Suria 19,
Taman Putera,
81100, Johor Bahru
Johor Darul Takzim.
(u.p : Jawatankuasa Pengurusan Graduan)
Faks : 07-335 8854

Sila rujuk halaman portal rasmi Politeknik METR0 Johor Bahru di www.pmjb.edu.my jika terdapat sebarang perubahan atau makluman terkini.

“ TAHNIAH DAN SELAMAT MAJU JAYA ”